

Komuniti 1Malaysia di Pulau Perhentian

Bernama

Jun 2, 2014

BESUT, 2 Jun (Bernama) -- Pulau Perhentian, antara pulau pelancongan di Terengganu, akan menjadi lokasi ke-16 penubuhan Komuniti 1Malaysia (K1M) di daerah ini dan akan dilancar Sabtu ini.

Pemangku Pengarah Penerangan Terengganu Mustaffa Abdul Kadir berkata penubuhan itu seiring dengan janji yang dibuat kerajaan semasa pilihan raya kecil Kuala Besut tahun lepas.

"Penubuhan Komuniti 1Malaysia itu dilihat penting kerana ia mampu memberi penerangan kepada rakyat tentang dasar-dasar kerajaan yang rakyat perlu tahu.

"Malah Komuniti 1Malaysia merupakan jambatan yang menghubungkan kerajaan dengan rakyat dan begitulah juga sebaliknya," katanya kepada Bernama selepas mengadakan Mesyuarat Penyelaras Penubuhan Komuniti 1Malaysia di sini Isnin.

Mustaffa berkata program yang diadakan selama dua hari di pulau peranginan itu akan dipenuhi dengan pelbagai acara antaranya ziarah dari rumah ke rumah, jamuan rakyat, wayang pacak, acara sukaneka dan sebagainya melibatkan penduduk pulau berkenaan.

Katanya perasmian akan dilakukan oleh Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia Datuk Jailani Johari.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1043195>